

15 APR 1998

Hassan-air

SUK SELANGOR TEMUI SUK PAHANG ESOK BINCANG SOAL BANTUAN AIR

SHAH ALAM, 15 April (Bernama) -- Setiausaha Kerjaan Negeri (SUK) Selangor Datuk Hashim Meon akan menemui SUK Pahang Datuk Abdul Ghani Sulaiman di Kuantan esok bagi membincangkan janji Pahang untuk membekalkan air mentah dari negeri itu ke Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Menteri Besar Datuk Abu Hassan Omar hari ini berkata antara perkara yang akan dibincangkan pada pertemuan itu ialah kerjasama untuk menyalurkan bantuan bekalan air ke negeri ini secepat mungkin.

Beliau berkata Hashim, yang juga pengerusi jawatankuasa pengurusan krisis air negeri, akan berusaha mendapatkan kerjasama daripada pelbagai pihak demi kepentingan bekalan air pengguna di negeri ini.

"Sekarang kita terpaksa meminta bantuan negeri-negeri jiran untuk membekalkan air ke sini," katanya kepada pemberita ketika ditemui selepas menghadiri Dewan Undangan Negeri di sini.

Beliau berkata catuan air yang akan dilaksanakan di enam kawasan sekitar Lembah Klang mulai Isnin ini tidak akan menjejaskan operasi Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang kerana kawasan itu sentiasa diberi keutamaan bekalan air.

Abu Hassan berkata KLIA juga mempunyai tangki besar yang mampu menyimpan bekalan air yang mencukupi untuk tempoh yang panjang supaya tidak mengganggu operasi hariannya.

Bekalan air yang akan dicatu mulai Isnin itu melibatkan kira-kira 1.2 juta penduduk sekitar Klang, Shah Alam, Sepang, Petaling, Hulu Langat dan Kuala Langat.

Beliau berkata hampir 99 peratus daripada peruntukan RM10 juta yang diluluskan oleh kerajaan negeri akan digunakan untuk menyewa lori tangki sebagai usaha meringankan langkah catuan air nanti.

Mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam berhubung sikap sesetengah kerajaan negeri yang sebelum ini menganggap penubuhan Majlis Air Negara sebagai bukan satu kerperluan yang mendesak, Abu Hassan berkata ini mungkin disebabkan 20 tahun dahulu, setiap kerajaan negeri mampu membekalkan airnya sendiri.

"Tetapi kini kebanyakan negeri membangun dengan pesat dan penduduknya semakin ramai sehingga menyebabkan permintaan untuk bekalan air meningkat setiap tahun," katanya.

Abu Hassan berkata dalam keadaan sekarang adalah lebih baik jika ditubuhkan satu badan untuk mengagihkan bekalan air kepada negeri-negeri yang memerlukannya.

"Saya sambut baik usaha menubuhkan Majlis Air Negara sebagaimana yang diusulkan oleh kerajaan pusat dan berharap rakan-rakan sejawatan saya untuk turut menyokong dan membantu usaha itu," katanya.

Menurutnya pihak berkuasa tempatan di Selangor juga boleh membantu kerajaan negeri memastikan pusat-pusat cuci kereta menghentikan kegiatan mereka untuk sementara waktu sehingga krisis bekalan air di negeri itu tamat. -- BERNAMA

AZH NAK